

Menilai Partisipasi Gen Z: Sudut Pandang Keadilan Sosial dan Kelestarian Alam Sekitar

Assessing Gen Z's Participation: Perspectives on Social Justice and Environmental Sustainability

Nisa Fatini Zulkifli

¹Wan Rohila Ganti Wan Abdul Ghapar

Aini Fatihah Roslan

Syafiq Sulaiman

Ijazah Sarjana Muda Hubungan Antarabangsa
Universiti Sultan Zainal Abidin

Correspondence e-mail: rohilaganti@unisza.edu.my

ABSTRAK

Artikel ini mengkaji perbincangan dalam kalangan Generasi Z (Gen Z) di Malaysia tentang perspektif global dalam keadilan sosial dan kelestarian alam sekitar. Sebagai generasi yang paling muda dan berbilang kaum, Gen Z mula mempengaruhi perbincangan antarabangsa dan mencabar norma politik konvensional. Isu-isu global seperti ketidaksamaan jantina, hak asasi manusia dan ketidakadilan antara kaum mungkin tidak menjadi keutamaan atau kepentingan bagi generasi terdahulu, namun hal ini telah menimbulkan kesukaran bagi rakyat Malaysia untuk mencapai perpaduan nasional. Selain itu, isu-isu alam sekitar sering dianggap sebagai tabu dan tidak penting oleh kebanyakan masyarakat. Oleh sebab itu, Malaysia berada pada ranking ke-130 daripada 180 buah negara dalam Indeks Prestasi Alam Sekitar (EPI) 2022. Kajian ini bertujuan untuk mengkaji bagaimana Gen Z di Malaysia memahami isu-isu tersebut dan dengan menggunakan metodologi kuantitatif, data telah dikumpulkan melalui instrumen soal selidik dalam talian ke atas golongan Gen Z yang berusia 19 hingga 24 tahun. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa Gen Z memberi penekanan yang tinggi terhadap isu-isu global seperti keadilan sosial, inklusiviti dan kelestarian alam sekitar. Selain itu, kajian ini juga menunjukkan bagaimana Gen Z boleh memberi impak yang berkekalan pada kesedaran global dan bagaimana pemimpin dan institusi politik perlu menyesuaikan kehendak dan jangkaan terkini masyarakat terutamanya golongan Gen Z.

Kata kunci: Gen Z, keadilan sosial, kelestarian alam sekitar, Indeks Prestasi Alam Sekitar (EPI)

ABSTRACT

This article examines the discussion among Generation Z (Gen Z) in Malaysia regarding global perspectives in social justice and environmental sustainability. As the youngest and most diverse generation, Gen Z is starting to exert its influence on intercontinental discourse and challenging the traditional political norms. Global issues such as gender inequality, basic human rights and racial exclusivity may not be at the forefront of older generation's concerns or priorities which has created an internal struggle for Malaysia to achieve national unity. On top of that, environmental issues are often regarded as taboo and insignificant among the society members. Consequently, Malaysia has been ranked 130th out of 180 countries in the 2022 Environmental Performance Index (EPI). This study aims to examine how Malaysia's Gen Z perceives such issues and by employing quantitative methodology, the data was gathered through online questionnaires instruments of Gen Z participants, who ranged in age from 19 to 24. The findings suggest that Gen Z places a high importance on global issues such as social justice, inclusivity and environmental sustainability. In addition, this study demonstrate how Gen Z may have a long-lasting impact on global awareness and how political leaders and institutions must adapt to the latest wants and expectations of society, especially Gen Z.

Keywords: Gen Z, social justice, environmental sustainability, Environmental Performance Index (EPI)

1. Pengenalan

Dalam sebuah buku bertajuk *Grown Up Digital*, Don Tapscott (2009) mentakrifkan generasi Z (Gen Z) sebagai generasi yang lahir pada 1998 hingga 2009. Mereka dibesarkan dalam satu ekosistem teknologi yang berkembang pesat yang memberi perbezaan ketara diantara generasi ini dengan generasi terdahulu. Dikenali sebagai golongan *technological savvy*, golongan Gen Z semakin mendapat pengaruh dalam perdebatan masyarakat dan persekitaran politik di seluruh dunia (McCrindle & Wolfinger, 2009). Dalam Matlamat Pembangunan Lestari (SDG) 2030, terdapat 17 matlamat yang perlu dipenuhi oleh sesebuah negara untuk mencapai masa depan yang lebih baik dalam menangani cabaran global seperti isu kemiskinan, ketidaksamaan jantina, perubahan iklim, kemasuhan alam sekitar dan kemakmuran setempat (UNDP, 2014). Seiring dengan itu, agenda penambahbaikan dalam menuju tahap keadilan sosial yang tinggi dan kelestarian alam sekitar adalah perlu diambil perhatian dan menjadi agenda penting bagi sesebuah negara.

Walau bagaimanapun, generasi terdahulu kerap meletakkan keutamaan yang berbeza dalam pelbagai isu misalnya kepentingan ekonomi dan kestabilan politik berbanding isu sosial yang seterusnya mewujudkan jurang generasi kerana adanya perbezaan pandangan dan ideologi. Namun, hal ini dilihat terkebelakang dalam kancang antarbangsa pada era ini dan dapat meninggalkan kesan buruk kepada negara di mata global. Oleh itu, dengan ciri dan identity mereka yang tersendiri, golongan Gen Z dilihat dapat mengubah perspektif tersebut di Malaysia dengan adanya kesedaran yang tinggi terhadap masalah global terutamanya dua isu utama yang akan dibahaskan dalam penyelidikan ini iaitu keadilan sosial dan kelestarian alam sekitar.

Melalui karya Rawls (2020) berkaitan falsafah moral, beliau berpendapat bahawa keadilan adalah induk penting institusi sosial. Dalam erti kata lain, keadilan adalah sesuatu perkara utama dalam membentuk sesebuah institusi sosial yang mampan. Baru-baru ini juga melalui cuitan di laman ‘Twitter’ rasmi Perdana Menteri Malaysia, Yang Amat Berhormat Dato’ Seri Anwar bin Ibrahim mempertegas komitmen kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi yang inklusif serta mempertegak keadilan sosial untuk semua rakyat Malaysia selaras dengan visi Malaysia MADANI. Hal ini menunjukkan bahawa isu keadilan sosial tidak boleh dipandang enteng oleh masyarakat demi kesejahteraan bersama. Barry (2005) melalui bukunya, ‘Why Social Justice Matter’ menyatakan bahawa keadilan sosial merangkumi semua aspek ketidaksamaan termasuklah hak asasi manusia, eksklusiviti kaum dan ketaksamaan jantina. Oleh kerana negara kita terdiri daripada pelbagai kaum dengan kerencaman latar belakang budaya dan agama, perdebatan mengenai isu keadilan sosial adalah sudah sebatи dengan masyarakat majmuk di Malaysia. Jika permasalahan ini semakin runcing, kestabilan dan keharmonian negara boleh tergugat dan seterusnya mengancam kestabilan ekonomi dan politik negara.

Tambahan pula, isu alam sekitar sering dianaktirikan oleh masyarakat konvensional Malaysia kerana dilihat tidak setaraf dengan kepentingan ekonomi dan politik yang lain. Kedudukan negara yang berada di tangga ke-130 daripada 180 negara dalam Indeks Prestasi Alam Sekitar (EPI) 2022 boleh dianggap mencerminkan mentaliti negara dunia ketiga. Dengan tiadanya kesedaran terhadap isu-isu sebegini, kestabilan negara dapat tergugat dan seterusnya meruntuhkan institusi sesebuah negara. Penarafan yang lemah ini menekankan betapa pentingnya usaha menutup jurang antara kesedaran terhadap pemuliharaan alam sekitar dan betapa pentingnya untuk melibatkan generasi akan datang dalam mempromosikan masa depan

yang proaktif. Oleh itu, penglibatan golongan muda atau Gen Z dalam menitik beratkan isu global seperti keadilan sosial dan kelestarian alam sekitar adalah penting demi memicu negara kearah yang lebih baik.

2. Tinjauan Literatur

Bahagian ini mengupas kajian-kajian terdahulu mengenai keadilan sosial dan kelestarian alam sekitar di Malaysia. Melalui tinjauan literatur ini, bentuk kajian, metodologi dan hasil kajian mengenai tema-tema tersebut dapat dikenalpasti secara menyeluruh oleh pembaca.

2.1 Keadilan Sosial

Antara kajian yang melibatkan isu keadilan sosial di Malaysia ialah kajian yang dilakukan oleh Siti Noor Atikah et al. (2021). Kajian ini dilakukan untuk mengetengahkan isu keadilan sosial dan kepentingannya kepada masyarakat di Malaysia. Menurut penulis, konsep keadilan sosial dapat diinterpretasikan dalam pelbagai bentuk dan objektif utama kajian ini adalah untuk mengkaji isu keadilan sosial dalam konteks masyarakat berbilang budaya. Dengan menggunakan metodologi kualitatif berasaskan analisis kandungan, isu keadilan sosial dapat dikenal pasti dan dirumus. Menurut Khechen (2013), ‘Social justice is a normative idea focusing on the idea of justice and the concepts of equality, equity, rights, and participation’. Seiring dengan itu, hasil kajian menunjukkan bahawa hubungan antara kaum, status ekonomi, dan cabaran dalam perbezaan taraf pendidikan dan bahasa memberi impak keatas keadilan sosial.

Berdasarkan kajian ini juga mendapati bahawa kerencaman budaya lazim berlaku kepada masyarakat majmuk terutamanya di negara berbilang bangsa dan budaya seperti Malaysia. Semua anggota masyarakat mula menegakkan hak masing-masing yang telah termaktub kepada seseorang manusia berdasarkan prinsip-prinsip Deklarasi Universal Hak Asasi Manusia (UDHR) yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) pada 1948 melalui resolusi 217 A (III). Fasal 2 deklarasi tersebut menjelaskan bahawa Setiap orang berhak mendapatkan dan kebebasan yang termaktub di dalam Deklarasi ini tanpa apa apa pengecualian, seperti perbezaan kaum, warna kulit, jantina, bahasa, agama, politik atau ideologi, asal-usul kebangsaan atau kemasyarakatan, hak milik, kelahiran ataupun status lain (Assembly. U.G, 1948). Oleh sebab itu, isu keadilan sosial adalah sesuatu yang penting bagi memastikan keharmonian masyarakat terutamanya di negara kita. Menurut Hazman Bahrom (2019) keadilan merupakan prinsip utama untuk kehidupan bermasyarakat dalam mewujudkan keseimbangan dan keselarasan dalam kehidupan masyarakat berbilang kaum.

2.2 Kelestarian Alam Sekitar

Menurut Rahman (2020) perubahan iklim, penebangan hutan, degradasi tanah dan pencemaran adalah beberapa kebimbangan alam sekitar yang mengancam kesihatan planet, manusia dan hidupan lain. Golongan belia perlu hidup dengan kesan buruk daripada ancaman alam sekitar ini dan harus memikul tanggungjawab sebagai ‘decision maker’ pada masa hadapan. Penyelidikan ini mengkaji sama ada belia di Malaysia mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap kelestarian alam sekitar dan mengetengahkan program-program melibatkan golongan Gen Z yang dilaksanakan oleh kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan dalam aktiviti pemulihan alam sekitar serta mencadangkan strategi untuk meningkatkan penglibatan mereka. Dengan menggunakan kaedah kualitatif, penulis menganalisis pelbagai jurnal ilmiah serta dokumen berkaitan dan

seterusnya memperoleh dapatan kajian yang menunjukkan bahawa belia di Malaysia secara amnya mempunyai tahap kesedaran alam sekitar yang tinggi dan penglibatan yang positif dalam aktiviti berasaskan alam sekitar.

Kajian yang dilakukan oleh Abdullah et al. (2013) pula lebih memfokuskan pengaruh ibu bapa terhadap kesedaran alam sekitar anak-anak. Kajian ini telah dijalankan secara kuantitatif melalui tinjauan menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen utama untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas berkaitan pengetahuan dan kesedaran alam sekitar dalam kalangan responden yang melibatkan murid tahun 6 dan ibu bapa. Menurut Shaharudin (2013), pembentukan masyarakat yang celik alam sekitar harus didasari dengan pembangunan lestari oleh sesebuah negara. Oleh sebab itu, kajian ini tutur mengambil kira penyelidikan ke atas kesesuaian kurikulum Sains bagi pelajar tahun 6 sejajar dengan pengetahuan mereka terhadap alam sekitar. Selain itu, sektor pekerjaan ibu bapa responden turut diambil kira sebagai pemboleh ubah dalam kajian terhadap kesedaran murid dalam isu kelestarian alam sekitar. Dapatan kajian mendapati bahawa pengetahuan alam sekitar dalam kalangan murid adalah tinggi tetapi masih mempunyai tahap kesedaran yang sederhana. Kesimpulan yang dapat dibuat oleh penulis berkait rapat dengan bagaimana ibu bapa dan institusi Pendidikan memainkan peranan penting dalam membentuk seseorang insan yang celik alam sekitar. Sehubungan dengan itu, era kemodenan pada masa ini yang secara harfiahnya menitik beratkan pendidikan dapat dilihat sebagai berita gembira kerana lebih ramai anak watan yang berintelektual dapat dilahirkan dan mendorong kepada peningkatan kesedaran terhadap alam sekitar dalam masyarakat pada masa hadapan.

3. Metodologi Dan Kawasan Kajian

Kajian ini menggunakan kaedah kuantitatif melalui instrumen soal selidik dalam talian ke atas golongan Gen Z yang berusia 19 hingga 24 tahun. Kaedah kuantitatif adalah salah satu pendekatan dalam pengumpulan data yang berkaitan dengan penggunaan angka dan statistik untuk mengukur, menganalisis, dan menginterpretasi fenomena sosial atau sains. Kajian ini melibatkan kumpulan pelajar daripada beberapa institusi pengajian tinggi awam di Malaysia yang terdiri daripada mahasiswa Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA) dan Universiti Teknologi Malaysia (UTM). Melalui kajian ini dua tema utama telah dibangkitkan iaitu berkenaan isu kesedaran terhadap keadilan sosial dan kelestarian alam sekitar. Seramai 78 responden telah mengambil bahagian dalam soal selidik ini yang terdiri daripada masyarakat berbilang kaum.

Bagi tema pertama, persoalan yang dikemukakan tertumpu kepada isu hak-hak wanita dan diskriminasi kaum di Malaysia dari sudut politik, ekonomi dan sosial. Dapatan kajian tersebut dapat menilai tahap kedudukan generasi Z terhadap isu membabitkan kaum minoriti di negara kita.

Manakala tema kedua pula mempersoalkan pembabitan Gen Z dalam mengaplikasikan gaya hidup mesra alam seperti, mengamalkan kitar semula dan mengurangkan jejak karbon mereka. Selain itu, kajian ini juga mengenalpasti penglibatan gen Z dalam menagadvokasi usaha-usaha melestarikan alam sekitar seperti melibatkan diri secara aktif dalam aktiviti penanaman semula, mengikuti mogok aman berkaitan alam sekitar dan aktif mengadvokasi isu alam sekitar di platform digital. Hasil kajian dapat menilai sejauh mana kesedaran golongan ini terhadap kepentingan melestarikan alam sekitar.

4. Dapatan Dan Perbincangan


4.1 Kumpulan Umur

Jadual 1 Latar belakang sosioekonomi responden

19 – 21 tahun	22 – 24 tahun
80.8% (63)	19.2% (15)


Jadual 1 menunjukkan jumlah responden berdasarkan pecahan umur. 80.8% (63) daripada jumlah keseluruhan responden berusia 19 hingga 21 tahun manakala 19.2% (15) daripadanya terdiri daripada golongan berusia 22 hingga 24 tahun. Kumpulan umur ini akan menjadi tumpuan utama dalam komponen soal selidik ke atas Gen Z di negara kita.

4.2 Diskriminasi Terhadap Kaum Minoriti



Rajah 1 Pemerkasaan wanita dari sudut politik dan ekonomi Malaysia

Rajah 1 menujukkan bahawa 5.1% (4) responden setuju bahawa pemerkasaan wanita dari sudut politik dan ekonomi Malaysia masih lemah manakala 94.9% (74) sangat bersetuju dengan pandangan tersebut. Pada *Rajah 2* pula, 25.6% (20) responden setuju bahawa kaum minoriti di Malaysia seperti orang asal, kaum bukan bumiputera dan golongan kurang upaya masih cenderung mendapatkan akses terhad kepada keperluan asas manusia seperti pendidikan, kesihatan dan undang-undang manakala 74.4% (58) daripada semua responden sangat bersetuju dengan pandangan tersebut.



RAJAH 2 Kaum minoriti di Malaysia seperti orang asal, kaum bukan bumiputera dan golongan kurang upaya masih cenderung mendapatkan akses terhad

4.3 Aplikasi Gaya Hidup Mesra Alam

Jadual 2 Amalan rutin 3R

Mengamalkan rutin 3R (reuse, reduce, recycle)	Memadam cache dalam peranti elektronik
83.3% (65)	73% (56)

Jadual 2 menunjukkan bahawa 83.3% (65) responden mengamalkan rutin 3R (reuse, reduce, recycle) dalam kehidupan sehari-hari. Selain itu, 73% (56) responden memadam cache dalam peranti elektronik seperti emel dan lain-lain bagi mengurangkan jejak karbon mereka secara berkala.

4.4 Perbincangan

Daripada hasil kajian tersebut dapat disimpulkan bahawa rata-rata responden yang merupakan golongan Gen Z mempunyai kesedaran yang tinggi terhadap isu sosial yang dihadapi oleh masyarakat setempat serta isu alam sekitar yang makin merunsingkan pada masa ini. Berdasarkan Global Gender Gap Index 2022 yang dikeluarkan oleh United Nations Development Programme (UNDP) Malaysia berada pada kedudukan 103 daripada 146 negara, dengan skor 0.681. Hal ini menunjukkan jurang yang tinggi dalam pelbagai sektor antaranya ialah pekerjaan dan pendidikan. Kadar penyertaan tenaga buruh global untuk wanita hanya melebihi 50% berbanding 80% untuk lelaki (UNDP, 2022). Kesedaran terhadap diskriminasi jantina ini bakal merubah landskap masyarakat kearah yang lebih baik. Kesaksamaan antara lelaki dan

wanita adalah isu hak asasi manusia dan berfungsi sebagai indikator kepada masyarakat yang mapan.

Selain itu, keprihatinan terhadap alam sekitar dan hubungan erat dengan alam semula jadi adalah penting dalam menunjukkan komitmen terhadap kelestarian alam sekitar. Amalan 3R sudah tidak asing lagi sebagai salah satu cara paling ampuh untuk mengekalkan kelestarian alam namun sebahagian besar daripada masyarakat masih memandang enteng keberkesanan amalan ni. Oleh itu, dengan adanya kesedaran daripada golongan muda tentang kesan daripada implikasi aktiviti ini, masa depan negara dalam pengurusan bahan buangan bakal menjadi lebih cerah. Bukan itu sahaja, golongan Gen Z juga mula sadar akan kesan jejak karbon mereka kepada alam sekitar. Menurut kajian yang dikeluarkan ICF International, dengan membiarkan emel spam berada di peti masuk emel, pelepasan GHG akan meningkat sebanyak lima kali ganda kerana masa yang diperlukan untuk melihat dan memadam ilmu tersebut turut meningkat.

5. Rumusan dan Cadangan

Kesedaran golongan gen z terhadap isu global banyak dipengaruhi oleh platform dan teknologi digital. Hal ini kerana, platform komunikasi terutamanya media sosial telah menjadi alat untuk mendapatkan maklumat secara pantas dan meluas. Dengan adanya jaringan Internet yang menyeluruh, teknologi maklumat akan terus memacu kemajuan masyarakat dalam pelbagai bidang. Oleh itu, golongan gen Z perlulah memanfaatkan teknologi tersebut dengan bijak dan bertanggungjawab supaya dapat meningkatkan pengetahuan dan seterusnya menyumbang kepada pembangunan positif negara.

Kajian ini telah membuktikan bahawa kebanyakan golongan Gen Z telah mempunyai kesedaran keatas isu-isu global yang berkait rapat dengan negara kita misalnya isu keadilan sosial dan kelestarian alam sekitar. Sebahagian besar dari mereka bergiat aktif dalam usaha-usaha untuk menangani isu-isu tersebut dengan menambah pengetahuan dalam diri mereka dan turut mengubah gaya hidup kearah yang lebih baik.

Tuntasnya, institusi berwajib seperti kerajaan perlulah bergerak seiring dengan perkembangan anak bangsa dengan menyesuaikan keperluan dan memupuk persekitaran yang responsif kepada aspirasi Gen Z dan generasi seterusnya. Pendidikan yang berkualiti yang berlandaskan kesedaran politik harus diperkujuh bagi memastikan mereka terus peka tentang masalah-masalah sosial yang beredar bukan sahaja di dalam tetapi juga di luar negara dan seterusnya tidak menanam sikap tidak acuh akan landskap politik negara. Dengan itu, partisipasi Gen Z menurut perspektif global terutamanya keadilan sosial dan kelestarian alam sekitar dapat dipertingkat.

RUJUKAN

- Abdullah, N. H. L., Shafii, H., & Wee, S. T. (2013). Pengetahuan murid dan perkaitan ibu bapa terhadap kesedaran alam sekitar: Satu kajian awal. *Sains Humanika*, 64(1).
- Assembly, U. G. (1948). Universal declaration of human rights. *UN General Assembly*, 302(2), 14-25.
- Barry, B. (2005). *Why social justice matters*. Polity.
- Deranty, Jean-Philippe. (2016). Social Justice. 10.1002/9781118541555.wbiepc060.
- Hazman Baharom. (2019). *Perihal keadilan: tinjauan wacana keadilan moden*. Strategic Information and Research Development Centre (SIRD).
- Khechen, M. (2013). *Social justice: Concepts, principles, tools and challenges*.
- Malaysia Environmental Performance Index*. (n.d.). Retrieved May 31, 2023, from <https://epi.yale.edu/epi-results/2022/country/mys>
- McCrindle, M., & Wolfinger, E. (2009). *The ABC of XYZ: Understanding the global generations*. The ABC of XYZ.
- Rahman, H. A. (2020). Malaysian Youth and Environmental Sustainability: A Review: Belia Malaysia dan Kelestarian Alam Sekitar: Satu Ulasan. *Perspektif Jurnal Sains Sosial dan Kemanusiaan*, 12(2), 43-54.
- Rawls, J. (2020). *A theory of justice: Revised edition*. Harvard university press.
- Shaharudin, I. (2013). Menuju Masyarakat Pascakarbon. Dewan Kosmik, 1–3
- Siti Noor Atikah Mohd Shamsuddin, Ahmad Sunawari Long & Yusri Mohamad Ramli. (2021). Wacana Isu-isu Keadilan Sosial dalam Masyarakat Majmuk di Malaysia [Discourse of Social Justice Issues in a Multicultural Society in Malaysia]. *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences* (e-ISSN: 2600-9080), 4(2), 151-161.
- Tapscott, D. (2010). Grown up digital. How the net generation is changing your world. *International Journal of Market Research*, 52(1), 139.
- The Carbon Footprint of Email Spam Report the Carbon Footprint of Email Spam Report Key Findings*. (n.d.).
- United Nations Development Programme. (2014). *Sustainable Development Goals 2015* https://www.undp.org/sustainable-development-goals?gclid=CjwKCAjwyejBhA5EiwA5WD7_dzAbU0uBWkCJXhFD6WcTo5bcoiR0drovdueTqZnnXGNbmdUgbBUBoCXVkQAvD_BwE
- United Nations Development Programme. (2022). *Gender Equality* <https://www.undp.org/malaysia/gender-equality>